

U B109 BAH
MAHATHIR - PELANTAR

GOPENG, 11 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENAMATKAN LAWATAN RASMI TIGA HARINYA KE PERAK DENGAN MELAWAT PELANTAR PELAWAT LOMBONG BIJIH TIMAH YANG PERTAMA DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI DAN MENTERI BESAR, TAN SRI RAMLI NGAH TALIB DISAMBUUT OLEH PENGURUS BESAR PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK, (PKNPK) DATUK MOHAMED HAMDAN HAZIZI YANG KEMUDIANNYA MEMBERI TAKLIMAT RINGKAS KEPADA PERDANA MENTERI.

DALAM LAWATAN KIRA-KIRA SEJAM ITU, PERDANA MENTERI MENYAKSIKAN OPERASI PERLOMBONGAN DI KAWASAN ITU DARIPADA PELANTAR BERTAMBAH \$40,000 ITU.

PELANTAR BERUKURAN 6M X 12M ITU, JUGA MEMPUNYAI SEBUAH GALERI GAMBAR YANG MENERANGKAN SEJARAH KEGIATAN PERLOMBONGAN DI NEGERI INI.

PELANTAR ITU YANG DISEDIAKAN OLEH GOPENG BERHAD, ANAK SYARIKAT PKNPK, BAGI MENYAHUT SERUAN MENTERI BESAR PADA AWAL TAHUN LEPAS KEPADA INDUSTRI PERLOMBONGAN DI NEGERI INI UNTUK MENARIK PELANCONG, SIAP DIBINA DISEMBER LEPAS. -- LAGI.

1618MST 11 03 90

U B110 BAH
MAHATHIR - PELANTAR 2 GOPENG

PELANTAR ITU BOLEH MENAMPUNG 50 PELAWAT BAGI SATU-SATU MASA DAN MEMPUNYAI KEMUDAHAN TANDAS DAN TEMPAT DUDUK.

BEBERAPA PEGAWAI GOPENG BERHAD DITEMPATKAN DI PELANTAR ITU UNTUK MEMBERI PENERANGAN KEPADA PARA PELAWAT DAN PELANCONG MENGENAI PERLOMBONGAN.

PERDANA MENTERI SEPATUTNYA DIJADUAL MELAWAT PELANTAR ITU PADA HARI PERTAMA LAWATANNYA KE NEGERI INI JUMAAT LEPAS TETAPI TERPAKSA DITUNDA KE HARI INI KERANA JET EKSEKUTIF KERAJAAN YANG MEMBAWA BELIAU DAN ROMBONGANNYA TERLEWAT TIBA DUA JAM LEBIH KERANA TIDAK DAPAT MENDARAT DI LAPANGAN TERBANG SULTAN AZLAN SHAH AKIBAT CUACA BURUK.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI BERLEPAS PULANG PAGI INI DARI LAPANGAN TERBANG SULTAN AZLAN SHAH. YANG TURUT MENGHANTARNYA PULANG IALAH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK SERI RAFIDAH AZIZ. -- BERNAMA.

1620MST 11 03 90